

# **PENGINTERPRETASIAN PERIBAHASA DAN HUBUNGANNYA DENGAN KEMAHIRAN BERFIKIR: ANALISIS BERDASARKAN TEORI RELEVANS**

*(The Interpretation of Proverbs and Their Relation to Thinking Skills: An Analysis Based on Relevancy Theory)*

*Hasmidar Hassan*  
hasmidar@usm.my

Bahagian Bahasa Malaysia, Terjemahan dan Interpretasi,  
Universiti Sains Malaysia,  
11800 Pulau Pinang.

## **Abstrak**

Kajian ini dijalankan dalam kalangan pelajar pendidikan guru bertujuan mencungkil kemampuan pelajar ini memahami maksud peribahasa yang diberikan. Dapatan kajian menunjukkan input yang sangat signifikan kerana ramai pelajar tidak memahami maksud implisit yang didukung oleh peribahasa tersebut. Ketidakmampuan para pelajar pendidikan guru ini memahami dan menginterpretasikan maksud peribahasa disebabkan oleh beberapa faktor seperti tidak memahami makna leksikal, tidak memahami peluasan makna sesuatu leksikal, tiadanya maklumat latar belakang (entri ensiklopedik) tentang sifat ataupun ciri yang didukung oleh sesuatu item atau peristiwa dan tidak dapat mengaplikasikan maklumat latar belakang pada maklumat baharu yang diterima (prosedur pemahaman). Para pelajar tidak dapat mengaitkan maklumat latar belakang dengan konteks yang menjadi input dalam proses penginterpretasian sesuatu peribahasa yang diberikan. Ketiadaan maklumat latar belakang juga mengekang para pelajar untuk berfikir secara kritis

dan membuat inferens bagi mencapai satu kesimpulan dalam proses penginterpretasian maksud peribahasa. Ketidakmampuan para pelajar pendidikan guru memahami maksud peribahasa ternyata kritikal kerana sebagai bakal guru, mereka juga perlu mengajarkan elemen ini dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah apatah lagi dengan adanya tuntutan transformasi pendidikan abad kedua puluh satu yang menekankan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

Kata kunci: peribahasa, penginterpretasian, implisit, inferens, entri ensiklopedik, transformasi pendidikan

### ***Abstract***

*A study involving a group of teacher trainees was carried out to determine the trainees' ability to comprehend the meaning of selected proverbs. This study shows that, significantly, many trainees are unable to comprehend the implicit meaning of these proverbs. The inability of these trainees can be attributed to a number of factors, such as not understanding the meanings of lexical items and the extended meanings lexical items, and not having the background knowledge (encyclopedic entry) of an item or a situation involving the proverbs. The trainees were unable to relate the background knowledge with the contexts that formed the input for the process of interpreting the proverbs. The absence of background knowledge also hindered the trainees' ability to think critically and to make inferences in the process of interpreting the meaning of the proverbs. The ability of the teacher trainees to comprehend the meaning of the proverbs is critical because, as future teachers, they will have to teach this element in the Malay language subject, especially as the transformation of education in 21st century education stresses higher-order thinking skills (HOTS).*

*Keywords: proverbs, interpretation, implicit, inferences, encyclopedic entry, transformation of education*

## **PENDAHULUAN**

Peribahasa Melayu merupakan salah satu elemen yang penting bagi mengungkapkan pemikiran dan akal budi orang Melayu semasa berkomunikasi. Penggunaannya sejak sekian lama terhasil daripada pengamatan yang cukup tinggi masyarakat dahulu terhadap kejadian

alam sekeliling, tingkah laku, norma hidup, adat dan budaya. Oleh itu, peribahasa Melayu ini dapat dikatakan sebagai cerminan kehalusan budi, ketinggian ilmu serta pemikiran masyarakat Melayu dahulu ketika berbahasa.

Menurut Za'ba (1965:165), peribahasa ialah segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai sejak beberapa lama oleh sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya - dipakai akan dia jadi sebutan-sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan, dan pengajaran.

Menurut Indirawati (1998), penggunaan peribahasa ini sebenarnya mempunyai fungsi yang sangat menarik. Peribahasa digunakan dengan tujuan untuk menyampaikan maksud yang tertentu dengan cara yang cukup halus atau berlapik. Peribahasa juga berfungsi sebagai peringatan, nasihat dan kritikan untuk tujuan kebaikan kepada seseorang. Penggunaan peribahasa berupaya membawa mesej nasihat tanpa menyinggung hati seseorang. Selain itu, penggunaannya mempunyai objektif yang tersendiri, iaitu supaya orang yang mendengar atau membacanya tidak mudah rasa tersinggung dalam sesebuah komunikasi

Menurut Abdullah (1997:xi), peribahasa merupakan satu daripada cabang sastera lama, bukan sahaja bagi bangsa Melayu tetapi juga bagi hampir semua bangsa di dunia. Sebelum ada undang-undang yang mengawal perilaku hidup manusia bermasyarakat, orang bijak pandai dalam sesuatu bangsa pada zaman itu telah mencipta beberapa petua, nasihat atau petunjuk sebagai peraturan tata tertib pergaulan, tatasusila dalam pergaulan dan hubungan sesama manusia. Petua, nasihat atau petunjuk itu diambil daripada alam sekeliling, contohnya daripada perangai dan sifat manusia, juga daripada sifat dan tabiat binatang, dan tumbuh-tumbuhan.

Jelas Shamsuddin (2005:vii), apabila berbahasa atau ingin menyampaikan rasa hati, ada ketikanya kita berterus terang dan ada waktunya kita berselindung di sebalik kata-kata. Pada ketika yang lain pula kita mungkin membuat perbandingan sebagai suatu cara kita menyindir bagi menguatkan percakapan kita. Kita sulamkan percakapan kita dengan peribahasa. Dengan cara begini, kata-kata yang kita ucapkan itu nescaya memberikan kesan kepada penerimanya.

Memandangkan peribahasa ini mendukung nilai, kepercayaan dan falsafah hidup yang tinggi dan mendalam, maka peribahasa ini harus dikembangkan penggunaannya dan diajarkan kepada generasi muda hari ini, khususnya kalangan pelajar sekolah melalui mata pelajaran Bahasa

Melayu. Dengan cara ini, kelestarian peribahasa akan terpelihara, dan para pelajar akan dapat menggunakan peribahasa untuk menyampaikan maksud serta buah fikirannya dengan cara yang lebih menarik dan berkesan dalam berbahasa.

Walau bagaimanapun, sebelum diajarkan kepada para pelajar, para guru dan bakal guru juga haruslah terlebih dahulu mampu mencungkil maksud tersirat yang didukung oleh peribahasa tersebut dan juga mampu menjelaskan makna yang dikonsepsikan oleh kata yang membentuk peribahasa tersebut serta hubungannya dengan hal yang dirujuk.

Oleh itu, untuk mengetahui sejauhmanakah kemampuan bakal guru menangani hal ini, maka satu kajian telah dijalankan dengan tujuan menyelidik dan mengenal pasti kemampuan bakal guru ini menginterpretasikan maksud tersirat yang didukung oleh peribahasa bahasa Melayu. Analisis ini akan didasari oleh pendekatan pragmatik khususnya teori relevans yang menekankan tiga konsep utama, iaitu konteks, usaha memproses dan kesan kognitif untuk menginterpretasikan sesuatu ujaran. Untuk memperlihatkan dan menentukan aras kognitif yang terlibat dalam usaha memproses sesuatu peribahasa pula, kajian ini menggunakan model aras kognitif yang dikemukakan oleh Bloom (1956).

## **SOROTAN KAJIAN TENTANG PERIBAHASA**

Kajian tentang penggunaan peribahasa dari segi fungsi ataupun tujuan dan peribahasa sebagai gambaran minda Melayu memang agak banyak dikaji di Malaysia.

Beberapa kajian awal yang dilakukan tentang peribahasa misalnya oleh Aripin (1992, 1993), Indirawati (1998), Mohd Radzi (1999), Lim (2003) dan Lokman (2004) rata-rata membincangkan fungsi peribahasa dalam masyarakat Melayu, peribahasa sebagai gambaran minda ataupun cerminan pemikiran dan kesarjanaan Melayu dan pengkategorian peribahasa berdasarkan binaan dan fungsi peribahasa yang tertentu. Kajian oleh Ahmad Fuad dan Zaitul Azma (2010) pula menentengahkan jenis-jenis peribahasa Melayu yang menonjolkan aspek nilai dan pemikiran Melayu dan penggunaan bahasa yang tersurat dan tersirat dalam peribahasa Melayu untuk menyampaikan mesej. Aspek nilai dan pemikiran yang terkandung dalam peribahasa ini dipaparkan mengikut 16 nilai murni yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara.

Kepentingan peribahasa ini juga diperlihatkan dalam kajian oleh Rozaimah dan Noriza (2009) yang mengkaji bentuk perlambangan yang

digunakan untuk melambangkan imej lelaki dan wanita dalam peribahasa Melayu berdasarkan teori relevans. Imran Ho (2011) pula membincangkan mekanisme kognitif yang membolehkan manusia membentuk peribahasa melibatkan haiwan dari sudut linguistik kognitif. Kerangka Ibañez-Moreno (2005) dalam (Imran Ho, 2011), digunakan untuk menganalisis peribahasa Melayu bersumberkan anjing dengan melakukan pemetaan mandala sumber dan sasaran berdasarkan metafora dan metonimi. Kajian oleh Saidatul Normis dan Mohd. Rasdi (2013) yang menggunakan kerangka etnografi komunikasi mengetengahkan peribahasa yang berkaitan dengan haiwan untuk menjelaskan perlambangan positif dan negatif dalam peribahasa Melayu.

Selanjutnya, Hishamudin *et al.* (2014) melihat perubahan makna darah dalam peribahasa Melayu berdasarkan pendekatan linguistik korpus. Kajian ini menunjukkan perubahan domain makna bagi darah. Data ini juga memperlihatkan kebijaksanaan dan ketajaman akal budi Melayu melalui peribahasa dalam berbahasa. Kajian oleh Nor Hashimah dan Junaini pada tahun 2010 pula mengkaji aspek penghayatan peribahasa dalam kalangan remaja. Kajian ini menunjukkan bahawa lebih daripada 60 peratus pelajar remaja gagal menguasai kemahiran peribahasa dengan baik. Seterusnya pada 2016, Junaini, Nor Hashimah dan Wan Nurasikin sekali lagi menyentuh aspek peribahasa. Dalam kajian ini, mereka menjelaskan makna tersirat di sebalik peribahasa yang mengandungi unsur ikan dan mengungkapkan serta menghuraikan falsafah dan akal budi Melayu tentang ikan dari perspektif semantik inkuisitif.

Kajian tentang peribahasa khususnya tentang aspek fungsinya sebagai gambaran minda dan kesarjanaan Melayu, dan kandungan nilai, pandangan hidup, kepercayaan dan pengetahuan menunjukkan aspek peribahasa ini mempunyai isu yang menarik untuk diketengahkan. Walau bagaimanapun, persoalan tentang sejauh mana sesuatu peribahasa itu dapat difahami dan diinterpretasikan oleh pembaca atau pendengar nyata masih belum dikaji secara meluas dan mendalam. Oleh itu, kajian ini diketengahkan dengan tujuan untuk mengetahui sejauhmanakah generasi muda, khususnya bakal guru memahami dan mampu menginterpretasikan maksud tersirat peribahasa bahasa Melayu. Jika hal ketersiratan makna peribahasa ini tidak dapat dicungkil oleh kumpulan bakal guru ini, maka dijangkakan persoalan ketersiratan makna aspek bahasa lain yang lebih kompleks juga tentunya tidak dapat dicerakin dengan baik. Hal ini tentunya akan membantutkan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia

yang menuntut pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

## **JUSTIFIKASI PEMILIHAN PERIBAHASA JENIS BIDALAN SEBAGAI DATA KAJIAN**

Menurut Za'ba (1965), peribahasa ialah susunan kata yang pendek dengan makna yang luas, mengandungi kebenaran, sedap didengar dan bijak perkataannya. Menurut Keris Mas (1988) pula, peribahasa ialah percakapan atau ujaran-ujaran yang mengandungi kebijaksanaan fikir dan pemerhatian yang tersusun dalam bentuk yang ringkas, indah, sedap didengar dan benar pada perasaan dan fikiran.

Abdullah (2004) pula menjelaskan bahawa peribahasa itu sama tuanya dengan bahasa sesuatu bangsa. Peribahasa mula-mula digunakan apabila manusia mulai mengenal peradaban ketika organisasi kehidupan perlu diatur, batas antara yang baik dengan yang buruk perlu diadakan untuk menjadi pendinding tatatertib pergaulan dan perhubungan sesama manusia.

Berdasarkan huraian yang diberikan oleh Za'ba, Keris Mas dan Abdullah, maka dapat dikatakan bahawa peribahasa ialah ungkapan ataupun ujaran pendek yang mendukung makna yang luas dan mencerminkan kebijaksanaan akal budi dan ketajaman fikiran masyarakat yang menciptanya.

Dalam peribahasa, terpancarnya hubungan antara bahasa dengan pemikiran bangsa Melayu. Cara bangsa Melayu memandang dunianya tersimpul dalam peribahasa yang dicipta mereka. Cara seseorang penutur berfikir dalam bahasanya tergambar menerusi penggunaan sesuatu perkataan itu dengan lebih meluas. Dengan yang demikian dapat dikatakan bahawa bahasa merupakan bahagian integral, iaitu yang perlu atau yang menjadi sebahagian daripada hidup manusia. Ungkapan peribahasa ini menunjukkan adanya hubungan intrinsik antara bahasa dan sikap, pemikiran dan perilaku sesuatu bangsa itu yang dapat diidentifikasi melalui pemakaian bahasa termasuklah peribahasa.

Oleh itu, menerusi peribahasa, aspek ketamadunan, pemikiran dan moral bangsa Melayu, struktur sosial bangsa Melayu lama, sikap, aktiviti kehidupan serta falsafah pegangan hidup mereka dapat dikaji. Penciptaannya yang berdasarkan fenomena sebenar kehidupan masyarakat, turut menyerlahkan pemikiran bangsa Melayu tentang alam kehidupan yang ditempuhi mereka.

Atas alasan seperti inilah maka kajian ini memilih peribahasa (jenis bidalan) sebagai data kajian memandangkan kemampuan untuk menginterpretasikan dan memahami peribahasa ini memerlukan kecekapan pragmatik. Kecekapan pragmatik merujuk pemahaman para pengguna bahasa tentang pelbagai kekangan sosial atau budaya yang wujud dalam pelbagai wacana atau keperihaln keadaan. Kecekapan ini melibatkan kebolehan untuk memilih unsur-unsur yang bersesuaian dengan suasana dan tujuan penggunaan bahasa pada ketika yang tertentu dan kemahiran berfikir aras tinggi, iaitu keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu.

Pemilihan peribahasa jenis bidalan ini juga didasari oleh alasan bahawa peribahasa mempunyai kedudukan yang sama penting dengan aspek lain dalam proses pengajaran-pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Hal ini dikatakan demikian kerana peribahasa berupaya untuk berkembang dan relevan dengan bahasa Melayu secara keseluruhannya. Dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah misalnya, dinyatakan dalam bahagian strategi pengajaran dan pembelajaran bahawa peribahasa yang diajarkan harus digabungkan secara terancang dengan semua aktiviti kemahiran bahasa.

Pembelajaran dan penghayatan peribahasa ini bertujuan meningkatkan keupayaan berbahasa dalam kalangan murid dan kemahiran berbahasa ini akan diteliti dalam konteks kebolehan pelajar menggunakan peribahasa dalam aktiviti seharian dan penulisan. Hasil penulisan tentunya akan menjadi lebih indah dan bermutu sekiranya dimuatkan dengan peribahasa yang tepat dan sesuai. Bagi merealisasikan tujuan ini maka para guru harus terlebih dahulu mengetahui maksud dan pengertian serta penggunaan peribahasa ini dalam konteks yang betul sebelum diajarkan kepada murid.

## **KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DAN TAKSONOMI BLOOM**

Berdasarkan prosedur pemahaman ujaran dalam teori relevans, proses penginterpretasian peribahasa juga melibatkan semua aras kemahiran kognitif. Aras ini didasarkan pada model Taksonomi Bloom dan cara aras kemahiran ini terlibat selari dengan gagasan idea teori relevans akan

dihuraikan dalam bahagian selanjutnya. Oleh itu, bagi membolehkan proses penginterpretasian dan hubungannya dengan aras kemahiran kognitif dapat difahami dengan mudah, maka ada baiknya konsep kemahiran kognitif khususnya kemahiran kognitif aras tinggi diperjelas terlebih dahulu dan diikuti oleh sedikit huraian tentang model Taksonomi Bloom.

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) ditakrifkan sebagai penggunaan minda secara meluas untuk menghadapi cabaran baharu. Menurut Onosko dan Newmann (1994), KBAT merujuk situasi yang memerlukan seseorang individu untuk menginterpretasi, menganalisis dan memanipulasikan maklumat bagi menjawab soalan atau menyelesaikan masalah yang tidak boleh disempurnakan dengan hanya mengaplikasikan pengetahuan sedia ada secara rutin. Selain takrif tersebut, Zevin (1995), pula mendefinisikan KBAT sebagai kemahiran memproses maklumat sedia ada dalam minda untuk menghasilkan sesuatu yang baharu dan asli. Masalah yang mempunyai pelbagai kemungkinan penyelesaian merupakan nadi kepada pemikiran aras tinggi.

Menurut Brookhart (2010) pula, KBAT boleh dilihat dalam lima sudut, iaitu pertama, tiga aras tertinggi Taksonomi Bloom, kedua penaakulan logika, ketiga, penghakiman dan pemikiran kritis, keempat, penyelesaian masalah dan kelima kreativiti dan pemikiran kreatif. Berdasarkan pandangan Brookhart ini, konsep KBAT menekankan kemahiran interpretasi, menganalisis dan menilai maklumat untuk menyelesaikan masalah atau mencipta sesuatu yang baharu. Pelbagai kemungkinan penyelesaian terhadap pelbagai masalah merupakan nadi kepada kemahiran berfikir aras tinggi. Seseorang yang cekap menyusun maklumat bagi membentuk konsep dan idea secara teratur dan membuat kesimpulan dengan tepat untuk tindakan yang sewajarnya merupakan orang yang mampu dan cekap menggunakan akal untuk berfikir secara meluas.

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) pula, KBAT ialah keupayaan seseorang individu untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu.

Lewis dan Smith (1993) berpendapat HOTS (KBAT) berlaku ketika seseorang individu menerima maklumat baharu, memproses maklumat tersebut, membuat penilaian seterusnya membuat keputusan dan menyelesaikan masalah yang bukan lazim.



Berdasarkan huraian tentang kemahiran kognitif atau berfikir aras tinggi ini, KBAT dapat disimpulkan sebagai kemampuan individu untuk menggunakan dan mengaplikasikan pengetahuannya untuk membuat interpretasi, menganalisis dan menilai maklumat untuk menyelesaikan masalah atau mencipta sesuatu yang baharu. Dalam kebanyakan definisi, kemahiran KBAT ini sangat tertumpu pada aspek membuat penilaian seterusnya membuat keputusan bagi menyelesaikan masalah yang bukan lazim dan berupaya mencipta sesuatu.

Dalam dunia yang semakin mencabar ini, pemikiran pada takuk lama sudah tidak relevan lagi kerana hal ini akan merugikan generasi muda. Oleh itu, KBAT perlu diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah selaras dengan era globalisasi dan transformasi pendidikan negara. Kemahiran belajar abad ke-21 perlu diterapkan melalui aktiviti yang memerlukan murid berfikir, merancang, berbincang, menilai, mereka cipta dan membuat keputusan berlatarkan konsep Taksonomi Bloom (1956) (disemak semula oleh Anderson dan Krathwohl (2001)).

Taksonomi Bloom sememangnya merangkumi unsur KBAT, iaitu mengaplikasikan, menganalisis, menilai dan mencipta. Peringkat tersebut memerlukan murid menilai maklumat secara kritis, membuat ramalan, mencadangkan penyelesaian, mencipta, menyelesaikan masalah berkaitan kehidupan seharian, menilai idea, melahirkan pendapat, membuat pilihan dan membuat keputusan. Enam aras Taksonomi Bloom (1956) dan versi kemas kini oleh Anderson dan Krathwohl (2001) dapat dijelaskan dalam Rajah 1.


Bermula pada tahun 2011, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) memberikan penekanan terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) atau High Order Thinking Skill (HOTS). Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. Mengajar kemahiran berfikir secara eksplisit ialah tuntutan semasa. Tuntutan ini dengan sendirinya akan melahirkan generasi yang boleh berfikir dan bertindak di samping dapat memahami, mengkaji, menganalisis, mencari penyelesaian bagi cabaran baharu yang dihadapi, membuat pertimbangan terhadap pelbagai alternatif yang wujud dan membuat keputusan serta mencadangkan alternatif lain.

Tentang pelaksanaan KBAT ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran, Yahaya Osman (<http://www.academia.edu/5294040/>)

TAKSONOMI BLOOM



**Rajah 1** Model Taksonomi Bloom 1956.



**Rajah 2** Model Taksonomi Bloom versi kemas kini oleh Anderson dan Krathwohl 2001.

Pelaksanaan\_Kemahiran\_Berfikir\_dalam\_Pengajaran\_Bahasa\_Melayu\_Daripada\_Perspektif\_Guru) menjelaskan bahawa walaupun kemahiran berfikir ini telah lama dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran, namun dapatan menunjukkan para guru masih belum menguasai sepenuhnya konsep kemahiran berfikir serta cara untuk melaksanakan kemahiran ini di dalam bilik darjah (amalan pedagogi). Kelemahan ini ternyata antara punca utama yang akan menyebabkan pelaksanaan KBAT tidak akan tercapai sepenuhnya. Hal ini harus ditangani segera dengan

menyelidik punca utama kelemahan para guru ini khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

## **SEPINTAS LALU TENTANG TEORI RELEVANS**

Kajian ini didasari oleh teori relevans yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson pada tahun 1986 dan diperkemas pada tahun 1995. Matlamat teori ini adalah untuk menjelaskan ciri proses mental yang terlibat dalam penginterpretasian ujaran atau pun maklumat.

Menurut teori ini, dalam usaha memproses ujaran, pendengar berusaha untuk mencapai interpretasi yang relevans secara optimum dan setiap interpretasi yang optimum mestilah mencapai kesan kognitif yang mencukupi bagi menarik perhatian pendengar dan tidak memerlukan pendengar berusaha lebih (dianggap sebagai kos memproses) untuk mencapai kesan yang dimaksudkan.

Relevans yang optimum pula bermaksud pendengar akan memproses sebarang rangsangan luar atau representasi dalaman yang menjadi input kepada proses kognitif yang mungkin relevans pada seseorang individu pada suatu masa yang tertentu. Semua input yang relevans secara maksimum akan dikaitkan dengan maklumat latar belakang seseorang individu dan berdasarkan syarat TR, sesuatu input adalah relevans pada seseorang individu hanya apabila pemprosesan input ini dalam konteks andaian yang ada menghasilkan kesan kognitif yang positif (Sperber & Wilson, 2002:608).

Kesan kognitif yang positif pula berbeza mengikut representasi seseorang individu terhadap dunia, kesimpulan yang benar misalnya merupakan kesan kognitif yang positif, kesimpulan yang palsu pula walaupun dianggap kesan kognitif tetapi bukan kesan kognitif yang positif (1995: 3.1-3.2).

Kesan kognitif yang paling penting yang dicapai melalui pemprosesan input dalam konteks ialah implikasi konteks, iaitu suatu kesimpulan yang dibuat berdasarkan gabungan antara input dengan konteks, dan bukannya daripada input atau konteks sahaja. Terdapat tiga cara maklumat baharu yang menjadi input dapat dikaitkan dengan andaian konteks sedia ada untuk mencapai kesan kognitif, iaitu dengan melalui penggabungan, pengukuhan andaian sedia ada, dan pertentangan dan pengguguran andaian sedia ada.

Berdasarkan huraian Sperber dan Wilson, tiga cara sesuatu maklumat atau andaian baharu diproses untuk mencapai kesan kognitif adalah seperti yang berikut:

1. Penggabungan – andaian baharu yang boleh digunakan bersama-sama dengan maklumat yang sedia ada dalam konteks untuk menghasilkan implikasi konteks.
2. Pengukuhan andaian sedia ada – andaian baharu yang boleh mengukuhkan sesetengah andaian konteks yang sedia ada.
3. Pertentangan dan pengguguran andaian sedia ada – pengguguran andaian sedia ada akibat berlakunya pertentangan antara andaian baharu dengan andaian lama.

Kesan kognitif positif ini berubah-ubah akibat maklumat baharu yang diterima oleh pendengar. Maklumat atau pun input baharu yang diterima ini akan disesuaikan dengan andaian sedia ada pendengar melalui tiga cara seperti yang dihuraikan di atas untuk mencapai kesan kognitif positif.

Dalam usaha menginterpretasikan atau memproses sesuatu ujaran bagi mencapai kesan kognitif dan relevans yang optimum, Sperber dan Wilson turut menyetengahkan beberapa subtugas yang dapat membantu pemahaman sesuatu ujaran secara keseluruhan. Subtugas ini secara jelas dapat menunjukkan proses pemahaman yang dapat dilakukan oleh pendengar untuk mencungkil maksud yang tersirat.

## **SUBTUGAS DALAM PROSES PEMAHAMAN UJARAN**

Selain idea utama dan prinsip relevans yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson bagi mencapai relevans yang optimum, mereka turut menggariskan beberapa subtugas lain yang dapat membantu pemahaman sesuatu ujaran secara keseluruhan. Menurut Wilson dan Sperber (2004:618), dalam suatu komunikasi verbal (sama ada lisan atau bertulis), penutur dapat menyampaikan makna yang pelbagai dan meluas dan pendengar pula dapat memahami hajat maklumat yang disampaikan penutur kerana ujaran yang disampaikan penutur mengekodkan bentuk logik. Bentuk logik ini kemudiannya dapat dipilih dan dimanifestasikan oleh pendengar sebagai input dalam proses pemahamannya.

Walaupun bagaimanapun, adakalanya bentuk logik yang didekodkan secara eksplisit tidak dapat difahami ujarannya kerana maknanya yang tersirat di sebalik bentuk yang dikodkannya. Dengan kata lain, walaupun

bentuk logik merupakan petunjuk yang jelas bagi hajat penutur, namun adakalanya kandungan ujaran yang disampaikan secara eksplisit kabur, taksa dan tidak mempunyai makna rujukan. Oleh hal yang demikian, TR telah mencadangkan beberapa subtugas bagi mencungkil implikatur (andaian yang dikomunikasikan penutur, yang diperoleh melalui proses inferens pragmatik; merupakan andaian konteks atau implikasi konteks seperti yang dihajati penutur yang hadir dalam ujaran yang dapat dijadikan panduan dan dimanifestasikan oleh pendengar untuk tujuan pemprosesan ujaran). TR mencadangkan satu prosedur yang dikenali sebagai prosedur pemahaman. Menurut Wilson dan Sperber (2004:619), prosedur ini dapat dihuraikan seperti yang berikut:

Pilihlah laluan yang memerlukan usaha yang paling sedikit untuk mencapai kesan kognitif. Ujilah hipotesis interpretatif untuk menentukan kebolehterimaan dan berhenti apabila jangkauan relevans dipenuhi.

Jelas Sperber dan Wilson (2002:204-08), prosedur ini terpakai dengan cara yang sama bagi menyelesaikan masalah ketidakbolehtentuan (*underdeterminacies*) linguistik pada peringkat eksplisit dan implisit. Dalam hal ini, pendengar mestilah membentuk suatu hipotesis terhadap makna penutur yang dapat memenuhi andaian relevans yang disampaikan oleh sesuatu ujaran. Tugas keseluruhannya yang dicadangkan Sperber dan Wilson bagi mencapai pemahaman yang sepenuhnya adalah seperti yang berikut:

### 1. Subtugas proses pemahaman

- a. Membentuk hipotesis yang bersesuaian tentang kandungan eksplisit (istilah TR ialah eksplikatur) melalui pentafsiran, penyahtaksan, pemilihan rujukan, proses pengayaan pragmatik yang lain.
- b. Membentuk hipotesis yang bersesuaian tentang andaian konteks yang dihajati penutur (istilah TR ialah "*implicated premises*").
- c. Membentuk hipotesis yang bersesuaian tentang implikasi konteks (istilah TR ialah "*implicated conclusion*").

Walaupun begitu, subtugas yang dicadangkan ini tidak berlaku secara berurutan sebaliknya proses pemahaman ini merupakan proses yang bertalian, berlaku secara serentak dan hipotesis yang dibina sejajar dengan latar belakang jangkaan (hipotesis jangkaan) yang boleh disemak kembali atau dihuraikan dengan lebih lanjut sebaik-baik sahaja ujaran disampaikan.

Jelas Sperber & Wilson kemampuan manusia untuk membuat inferens membolehkan manusia membina konsep *ad hoc* berdasarkan konsep leksikal yang dikodkan semasa proses penginterpretasian ujaran berlaku. Dua jenis pembinaan konsep *ad hoc* yang dibincangkan oleh Sperber & Wilson ialah penyempitan konsep yang dikodkan oleh leksikal dan penguraian. Istilah lain yang digunakan bagi penyempitan ialah pengayaan atau pengukuhan dan bagi penguraian pula ialah peluasan atau pelemahan.<sup>1</sup> Huraian ringkas maksud kedua-dua proses ini adalah seperti yang berikut :

1. Pembinaan konsep *ad hoc* penyempitan – membolehkan masalah ketaksaan ujaran ditangani, dengan menyasarkan item leksikal yang tertentu dan mengukuhkan konsep yang dikodkan oleh item leksikal tersebut. Hubungan antara bentuk proposisi dengan set andaian konteks akan membolehkan kesan kognitif dicapai dan sesetengah andaian konteks ini akan diperoleh daripada entri ensiklopedik konsep yang telah disempitkan.
2. Pembinaan konsep *ad hoc* peluasan – lebih tertumpu pada bentuk metafora, bentuk kiasan dan perlambangan ataupun ujaran yang tidak literal. Pendengar akan mendekodkan konsep yang dikodkan oleh leksikal, dan cuba mencari dan mencari dan mendapatkan ciri-ciri logik dan ensiklopedik yang tertentu. Pendengar menganggap ujaran ini sebagai panduan secara kasar bagi mencapai hajat yang ingin disampaikan penutur, dan sebagai kesannya pendengar akan membuat pilihan berdasarkan ciri-ciri yang diperoleh, menggugurkan mana-mana input yang tidak relevans dalam konteks tersebut dan menerima input yang relevans, sebagai gambaran pendapat penutur.

(Carston, 1997:61-66)

Berdasarkan huraian yang diberikan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa subtugas bagi proses pemahaman dan dua proses pembinaan konsep *ad*

*hoc* merupakan proses pelengkap bagi mencapai relevans yang optimum. Walau bagaimanapun, semua proses yang diuraikan di atas tidak berlaku secara berurutan sebaliknya berlaku secara serentak dan bersifat pilihan dan kesemua proses ini mampu dilakukan oleh manusia bagi mencapai relevans yang optimum dalam sesuatu ujaran dari sudut pandangan TR yang berasaskan prinsip kognitif dan komunikasi.

### **Prosedur Pemahaman dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Penginterpretasian Peribahasa (Bidalan) dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Guru**

Sebanyak 12 peribahasa jenis bidalan telah dipilih daripada beberapa buah buku kerja Tahun 6. Peribahasa ini dipilih berdasarkan pandangan bahawa peribahasa yang digunakan dalam buku kerja Tahun 6 ini sudah tentu telah menepati sukatan pelajaran Bahasa Melayu Tahun 6 (lihat subtajuk Pengabungjalinan muka surat 8, Sistem Bahasa (peribahasa) muka surat 12 dan Nilai-nilai Murni muka surat 12 dalam Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Bahasa Melayu Tahun 6, Pusat Perkembangan Kurikulum).

Peribahasa ini kemudiannya diedarkan kepada 33 orang pelajar pendidikan guru tahun akhir, major dalam Bahasa Melayu. Para pelajar diminta memberikan maksud bagi setiap bidalan seperti yang berikut:

1. Belum duduk sudah berlunjur.
2. Berjagung-jagung dahulu sementara menantikan padi masak.
3. Berkerat rotan berpatah arang.
4. Biduk lalu kiambang bertaut.
5. Cacing hendak menjadi naga.
6. Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa.
7. Takkan buaya menolak bangkai.
8. Tempayan yang penuh itu tidak akan berkocak airnya.
9. Yang bulat datang bergolek, yang pipih datang melayang.
10. Bagai kelip-kelip terbang malam.
11. Bagai kera mendapat bunga.
12. Seperti gunting dalam lipatan.

Berdasarkan jawapan yang diberikan, peratus jawapan yang salah bagi setiap bidalan agak tinggi kecuali bagi dua bidalan yang mungkin lebih lazim didengar atau digunakan dibandingkan dengan 10 lagi bidalan yang diberikan. Peratusan jawapan pelajar yang salah dipaparkan seperti yang berikut:

<b>Bil</b>	<b>Bidalan</b>	<b>Jawapan yang Salah (%)</b>
1.	Belum duduk sudah berlunjur.	48%
2.	Berjagung-jagung dahulu sementara menantikan padi masak.	9%
3.	Berkerat rotan berpatah arang.	<b>100%</b>
4.	Biduk lalu kiambang bertaut	76%
5.	Cacing hendak menjadi naga	9%
6.	Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa.	<b>90%</b>
7.	Takkan buaya menolak bangkai.	<b>87%</b>
8.	Tempayan yang penuh itu tidak akan berkocak airnya.	<b>100%</b>
9.	Yang bulat datang bergolek, yang pipih datang melayang.	63%
10.	Bagai kelip-kelip terbang malam.	<b>96%</b>
11.	Bagai kera mendapat bunga.	45%
12.	Seperti gunting dalam lipatan.	<b>87%</b>

Untuk tujuan penulisan ini, penulis memilih untuk membincangkan lima bidalan yang paling tinggi peratusan jawapan yang salah:

1.	Berkerat rotan berpatah arang.	<b>100%</b>
2.	Tempayan yang penuh itu tidak akan berkocak airnya.	<b>100%</b>
3.	Bagai kelip-kelip terbang malam.	<b>96%</b>
4.	Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa.	<b>90%</b>
5.	Seperti gunting dalam lipatan.	<b>87%</b>

Jawapan yang diberikan pelajar kemudiannya dibandingkan dengan maksud bidalan yang dipetik daripada A. Khaled (2008).

1. Berkerat rotan berpatah arang.  
Bermaksud : Berpisah yang tidak akan berbaik lagi, putus tali persahabatan atau persaudaraan.



2. Tempayan yang penuh itu tidak akan berkocak airnya.  
Bermaksud :Orang yang berilmu itu tidak suka bermegah-megah diri.
3. Bagai kelip-kelip terbang malam.  
Bermaksud : Rahsia yang sudah diketahui orang.
4. Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa.  
Bermaksud : Pengetahuan dan kelebihan tidak khusus kepada orang tua-tua sahaja, orang-orang muda pun berilmu juga.
5. Seperti gunting dalam lipatan.  
Bermaksud : Musuh yang ada dalam kalangan sesuatu kumpulan tanpa disedari.

Berdasarkan data di atas, kesemua pelajar tidak dapat memberikan maksud yang betul bagi bidalan “Berkerat rotan berpatah arang” dan “Tempayan yang penuh itu tidak akan berkocak airnya”. Seterusnya bidalan “Bagai kelip-kelip terbang malam” (96 peratus), “Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa” (90 peratus ) dan “Seperti gunting dalam lipatan” (87 peratus).

Kebanyakan pelajar memberikan alasan bahawa mereka tidak terdedah pada peribahasa jenis ini, jarang menggunakan bidalan dalam kehidupan harian, lupa kerana tidak dipraktikkan dalam kehidupan harian dan tidak tahu cara untuk menjelaskan maksudnya walaupun memahami peribahasa tersebut. Melihat akan punca dan alasan yang diberikan pelajar, maka dapat disimpulkan bahawa para pelajar yang tidak dapat menginterpretasikan atau menjelaskan maksud bidalan ini dengan betul adalah kerana mereka tidak mengetahui (akibat tidak pernah terdedah dengan peribahasa ini sebelum ini atau tidak pernah menggunakan peribahasa ini), dan tidak memahami maksud peribahasa tersebut (akibat tidak berusaha merujuk maksud dalam kamus peribahasa atau tidak dijelaskan/diterangkan maksud tersirat bidalan tersebut). Kedua-dua alasan ini secara jelas tidak memungkinkan para pelajar dapat menginterpretasikan maksud tersirat bidalan tersebut kerana tanpa pengetahuan (kemahiran berfikir aras rendah), pelajar tidak akan mencapai kemahiran pemahaman (aras kemahiran berfikir selepas pengetahuan). Ketiadaan kedua-dua kemahiran berfikir atau aras kognitif ini menyebabkan para pelajar tidak akan dapat mencapai kemahiran berfikir aras yang lebih tinggi, iaitu aras aplikasi, analisis dan penilaian.

Dalam konteks bidalan “Berkerat rotan berpatah arang”, terdapat beberapa andaian yang boleh dibuat sebagai punca ketidakmampuan para pelajar pendidikan guru ini menginterpretasikan maksud bidalan

yang tersirat. Pertama, para pelajar ini tidak memahami makna literal setiap leksikal yang membina struktur bidalan ini, iaitu “berkerat”, “rotan”, “berpatah” dan “arang”. Hal ini agak mustahil untuk diterima akal memandangkan para pelajar pendidikan ini ialah pelajar tahun akhir major dalam bahasa Melayu. Keduanya para pelajar pendidikan ini tidak dapat memahami makna literal yang dikonsepsikan oleh bahagian (1) “berkerat rotan” dan bahagian (2) “berpatah arang”. Ketiganya pula ialah, bagaimana untuk menjelaskan hubungan maksud “Berkerat rotan berpatah arang” ini dengan hal yang dikiaskan atau dirujuk (maksud tersiratnya), iaitu “Berpisah yang tidak akan berbaik lagi, putus tali persahabatan atau persaudaraan”.


Punca yang pertama sebenarnya melibatkan aras kognitif atau kemahiran berfikir yang rendah, iaitu pengetahuan dan kefahaman. Pelajar perlu tahu makna literal atau makna kamus setiap leksikal yang membentuk bidalan tersebut. Hal ini difikirkan adalah tidak mustahil bagi pelajar tahun akhir, major dalam bahasa Melayu. Yang rumitnya ialah memahami tingkah laku atau keadaan “berkerat rotan” dan “berpatah arang” (kemahiran berfikir memahami) dan seterusnya mengaitkan konsep ini (kemahiran berfikir mengaplikasi) dengan hal atau maksud yang dirujuk. Sekiranya pelajar tidak mempunyai pengalaman ataupun maklumat latar belakang, entri ensiklopedik menurut teori relevans, keseluruhan konsep tentang ciri ataupun sifat rotan atau arang, perlakuan “mengerat rotan” dan “mematahkan arang” dan ciri “rotan yang dikerat” dan ciri “arang yang dipatahkan” maka para pelajar ini tidak akan mampu untuk memahami maksud bidalan itu secara literal apatah lagi untuk menginterpretasikan maksudnya yang tersirat.

Dari sudut pandangan teori relevans, para pelajar tidak dapat menginterpretasikan maksud tersirat bidalan tersebut kerana bentuk logik yang dikodkan secara eksplisit oleh bidalan tersebut tidak dapat dikaitkan dengan maklumat latar belakang mereka (entri ensiklopedik) untuk mencapai satu kesimpulan yang dikenali sebagai implikasi konteks. Dengan kata lain, maklumat baharu yang diterima tidak relevan dan para pelajar tidak dapat membina konsep *ad hoc* peluasan kerana para pelajar ini tidak dapat mendekodkan konsep yang dikodkan oleh leksikal tersebut dan memahami ciri-ciri logik dan ensiklopedik yang tertentu.

Oleh sebab para pelajar tidak dapat memahami makna literal yang dikonsepsikan oleh bidalan ini, maka mereka tidak akan dapat membentuk

andaian konteks, iaitu maksud tersirat yang dimplikasikan oleh bidalan tersebut melalui proses inferens pragmatik.

Prosedur pemahaman yang dicadangkan teori relevans ini tidak berlaku secara berurutan sebaliknya proses pemahaman ini merupakan proses yang bertalian dan berlaku secara serentak. Untuk memahami dengan jelas proses pemahaman TR, lihat rajah di bawah:



Membina andaian konteks. Membuat pilihan berdasarkan ciri-ciri yang diperoleh, menggugurkan mana-mana input yang tidak relevans dalam konteks tersebut dan menerima input yang relevans, sebagai gambaran pendapat penutur.

**Rajah 3** Prosedur pemahaman yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson 1995.

Bagi memperlihatkan hubungan proses pemahaman dan proses kognitif yang berlaku semasa memproses atau menginterpretasikan sesuatu bidalan pula, rujuk Jadual 1 di bawah.

**Jadual 1** Hubungan prosedur pemahaman dengan aras kognitif atau kemahiran berfikir.

Prosedur Pemahaman Teori Relevans	Asas Kemahiran Berfikir yang Terlibat (Taksanomi Bloom)
Mendekod makna literal leksikal	Mengetahui dan memahami
Membina andaian konteks berdasarkan ciri-ciri bentuk logik	Mengaplikasi dan menganalisis
Membina konsep <i>ad hoc</i> peluasan	Mengaplikasi, menganalisis dan mensintesis.

Huraian di atas jelas terpakai bagi bidalan yang kedua, iaitu “Tempayan yang penuh itu tidak akan berkocak airnya”. Memandangkan semua pelajar tidak dapat menjawab maksud tersirat bidalan ini, maka dapat diandaikan bahawa puncanya adalah sama seperti huraian bagi bidalan “Berkerat rotan berpatah arang”. Ertinya punca para pelajar ini tidak dapat menginterpretasikan maksud bidalan ini ialah mereka “tidak ada pengetahuan tentang bidalan ini”, akibat tidak pernah didedahkan pada bidalan ini atau tidak pernah mendengar atau tidak diajarkan sebelum ini. Oleh sebab para pelajar tidak mengetahui perihal bidalan ini, aras kemahiran berfikir yang paling rendah, maka tentunya para pelajar tidak akan dapat mencapai aras yang kedua, iaitu memahami dan tidak juga dapat mencapai aras kemahiran berfikir yang lebih tinggi, iaitu mengaplikasi, menganalisis dan mensintesis.

Bidalan ini sebenarnya merupakan bentuk peribahasa yang harus dapat ditelah (diduga) maknanya jika konsep, sifat atau ciri dan perlakuan yang lazim sesuatu objek yang membentuk bidalan ini difahami dan perihal tingkah laku dan hal yang dikiaskan atau dibandingkan itu juga tersimpan dalam maklumat latar belakang (entri ensiklopedik) seseorang.

Misalnya bagi menjelaskan maksud bidalan “Bagai kelip-kelip terbang malam”, seseorang pelajar haruslah terlebih dahulu mengetahui apakah kelip-kelip (makna literal) dan ciri-ciri fizikalnya, ertinya aras kemahiran berfikir yang paling rendah, iaitu “mengetahui” menjadi syarat proses pemahaman dan penginterpretasian. Apabila seseorang pelajar mengetahui sifat ataupun ciri-ciri leksikal yang membentuk sesuatu bidalan itu, pelajar tersebut akan dapat menelah maksud bidalan tersebut, iaitu membina andaian konteks berdasarkan makna yang dikodkan oleh leksikal melalui proses inferens pragmatik – dan kemahiran berfikir yang terlibat adalah untuk mengaplikasikan dan menganalisis. Kelip-kelip yang mengeluarkan cahaya tentulah jelas kelihatan apabila terbang pada waktu malam yang gelap. Tingkah laku yang lazim seperti ini dijadikan asas atau sumber untuk berkias bagi menyampaikan maksud yang tertentu dan dalam konteks ini, bidalan bertujuan menyampaikan maksud “Rahsia yang sudah diketahui orang”. Kebolehan untuk memahami dan menganalisis perlakuan item atau objek dalam bidalan seperti ini adalah penting dan menjadi asas untuk membolehkan pelajar menginterpretasikan maksud tersirat sesuatu bidalan, dan seterusnya menggunakan bidalan ini dalam konteks yang betul. Walaupun para pelajar tidak dapat memberikan maksud yang sama seperti yang diberikan oleh kamus peribahasa misalnya iaitu, “Rahsia

yang sudah diketahui orang”, sekurang-kurangnya para pelajar dapat menjelaskan maksud yang diandaikannya berdasarkan kefahamannya terhadap perilaku kelip-kelip yang mengeluarkan cahaya dapat dilihat dengan jelas cahayanya apabila terbang pada waktu malam dan mampu mengiaskan konsep ini pada tingkah laku lain yang mempunyai konsep yang sama.

Bagi menjelaskan maksud bidalan “Bagai gunting dalam lipatan” pula, para pelajar haruslah mengetahui makna literal dan konsep yang didukung oleh kata “gunting”, iaitu alat untuk memotong kain dan lain-lain yang terdiri daripada dua bilah logam yg dirangkapkan, yang boleh digunakan untuk memotong kain, kertas atau objek yang nipis dan lembut. Namun, bagi bidalan ini, diyakini bahawa bukanlah objek gunting yang tidak difahami oleh para pelajar, ertinya para pelajar mencapai kemahiran berfikir aras mengetahui, tetapi yang menjadi masalah dan yang tidak dapat ditelah oleh para pelajar ialah perlakuan gunting yang berada dalam lipatan. Secara literalnya, pelajar mungkin memahami gunting dalam lipatan, iaitu objek yang tajam (gunting) terlindung atau tidak kelihatan kerana berada dalam lipatan tetapi yang tidak dapat ditelah atau dicerakin ialah maksud yang selanjutnya.

Para pelajar tidak dapat membentuk andaian konteks dan membuat inferens bagi membina konsep *ad hoc* peluasan kerana tidak mampu menghubungkan maksud literal “gunting dalam lipatan” dengan maklumat konteks dan maklumat latar belakang yang ada, iaitu tidak dapat mengaplikasikan, menganalisis dan mensintesis bidalan ini, ertinya kemahiran berfikir aras tinggi tidak dicapai.

Para pelajar seharusnya dapat membuat andaian bahawa oleh sebab gunting ini ialah objek yang tajam dan terlindung dalam lipatan, maka tentulah alat ini boleh membahayakan dan mencederakan sesiapa sahaja yang memegang, mengangkat atau terpijak lipatan ini kerana tidak mengetahui adanya gunting (objek tajam yang membahayakan) dalam lipatan. Oleh itu, berasaskan konsep atau perlakuan “gunting dalam lipatan” inilah, objek tersorok dan membahayakan, maka bidalan ini cuba dikiaskan pada perilaku manusia yang mempunyai sifat yang sama seperti tingkah laku gunting dalam lipatan ini, iaitu membahayakan orang-orang di sekelilingnya secara diam-diam atau tanpa diketahui.

Begitu juga halnya dengan bidalan yang lain, seperti “Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa” yang bermaksud pengetahuan dan kelebihan tidak khusus kepada orang tua-tua sahaja, orang-orang muda

pun berilmu juga. Bidalan ini juga memerlukan para pelajar bukan sahaja mengetahui makna literal sesuatu item yang digunakan dalam bidalan tersebut. Perlu juga diketahui sifat atau ciri item tersebut dan konsep tingkah laku atau perlakuan secara keseluruhan item yang tersebut dalam bidalan tersebut.

Dalam konteks bidalan di atas, bidalan ini seharusnya dapat dijangkakan maksudnya kerana maknanya bersifat sangat langsung, iaitu “Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa”. Namun jika para pelajar tidak dapat mentafsirkan bahawa “kecil” dan “besar” itu merujuk saiz fizikal seseorang individu maka tentunya para pelajar tidak akan dapat memahami ujaran keseluruhannya. Makna literal bagi “Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa”, iaitu individu yang saiz badannya kecil jangan disangka anak (ertinya mungkin bukan anak) dan individu yang saiz badannya besar jangan disangka bapa (ertinya mungkin bukan bapa) perlu dapat difahami oleh pelajar bagi membolehkannya membentuk andaian konteks dan membuat inferens bagi membina konsep *ad hoc* peluasan selanjutnya (melibatkan aras kemahiran aplikasi dan analisis). Kemampuan para pelajar ini membuat andaian konteks dan membuat inferens ini sangat bergantung pada maklumat latar belakang dan pengalaman para pelajar. Sekiranya para pelajar tiada pengalaman tentang “individu yang saiz badannya besar tidak semestinya seorang bapa” dan “individu yang saiz badannya kecil jangan disangka anak” (ertinya mungkin bukan anak) maka pelajar ini tidak akan dapat menghubungkan makna literal ini dengan suatu perlakuan atau tingkah laku yang mendukung makna konsep yang sama, iaitu hal yang dikiaskan bidalan ini, iaitu pengetahuan dan kelebihan tidak khusus kepada orang tua-tua sahaja, orang-orang muda pun berilmu juga. Makna literal ini sebenarnya merupakan konsep yang dijadikan sandaran bagi memahami maksud tersirat bidalan ini. Huraian ini dapat dijelaskan berdasarkan:

Bidalan → makna literal → input bagi membentuk makna konsep → aplikasi pada perlakuan yang mempunyai makna konsep yang sama.

Ketidakkampuan para pelajar pendidikan ini menginterpretasikan bidalan yang diberikan merupakan suatu senario yang nyata perlu dibimbangi kerana bidalan ini mendukung makna yang agak mudah dan agak langsung dan menyediakan maklumat konteks yang sepatutnya dapat ditelah oleh para pelajar. Sekiranya bidalan seperti ini tidak

dapat diinterpretasikan dengan betul oleh para pelajar pendidikan guru, maka pengajaran komponen sastera lain khususnya yang melibatkan penginterpretasian maksud tersirat yang lebih kompleks juga dikhuatiri tidak dapat ditangani oleh para bakal guru ini.

Penginterpretasian makna tersirat sesuatu ujaran ataupun ungkapan memerlukan proses inferens yang melibatkan aras kognitif yang tinggi. Kejayaan proses inferens ini pula sangat bergantung pada maklumat latar belakang yang lengkap dan pengetahuan tentang konteks penggunaan yang betul (ilmu pragmatik).

Memandangkan kemahiran berfikir aras tinggi dan kecekapan pragmatik amat diperlukan dalam proses penginterpretasian sesuatu bidalan atau ujaran yang mendukung maksud tersirat, kemahiran seumpama ini harus diberikan perhatian dan keutamaan dalam pengajaran dan pembelajaran kalangan pelajar pendidikan guru di Malaysia.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini telah membuktikan bahawa ketiadaan pengetahuan dan kefahaman (kemahiran berfikir aras rendah) dan ketidakmampuan berfikir pada aras tinggi menyebabkan ramai pelajar pendidikan guru tidak dapat menginterpretasikan maksud bidalan dengan betul. Hal ini dicetuskan oleh beberapa faktor seperti yang diberikan oleh para pelajar iaitu, mereka tidak terdedah pada peribahasa jenis ini, jarang menggunakan bidalan dalam kehidupan harian, lupa kerana tidak dipraktikkan dalam kehidupan harian dan tidak tahu cara untuk menjelaskan maksudnya walaupun memahami peribahasa tersebut. Berdasarkan alasan yang diberikan, dapat dikatakan di sini bahawa para pelajar tiada pengetahuan tentang bidalan ini dan menyebabkan mereka tidak dapat memahami maksud literal bidalan ini. Ketidadaan pengetahuan dan pemahaman ini menyebabkan para pelajar ini tidak dapat mencapai aras kognitif yang lebih tinggi, iaitu aras kognitif mengaplikasi, menilai dan menganalisis.

Ketidakmampuan berfikir pada aras kognitif yang tinggi menyebabkan para pelajar tidak dapat membuat inferens pragmatik dengan mengaitkan maklumat lampau atau pengetahuan sedia ada dengan maklumat baharu untuk mencapai andaian konteks dan seterusnya membina konsep *ad hoc* peluasan bagi menginterpretasikan bidalan yang diberikan.

Makna tersurat yang didukung oleh bidalan merupakan sumber analogi bagi menjelaskan maksud tersiratnya. Kepentingan kecekapan pragmatik merujuk pemahaman para pengguna bahasa tentang pelbagai

kekangan sosial atau budaya yang wujud atau keperihalan keadaan. Kecekapan ini melibatkan kebolehan untuk memilih unsur-unsur yang bersesuaian dengan suasana dan tujuan penggunaan bahasa pada ketika yang tertentu dan kemahiran berfikir aras tinggi khususnya bagi menginterpretasikan bidalan ini selaras dengan pandangan Brookhart (2010) tentang konsep KBAT yang menekankan kemahiran interpretasi, menganalisis dan menilai maklumat untuk menyelesaikan masalah atau mencipta sesuatu yang baharu. Pelbagai kemungkinan penyelesaian terhadap pelbagai masalah merupakan nadi kepada kemahiran berfikir aras tinggi. Seseorang yang cekap menyusun maklumat bagi membentuk konsep dan idea secara teratur dan membuat kesimpulan dengan tepat untuk tindakan yang sewajarnya merupakan orang yang mampu dan cekap menggunakan akal untuk berfikir secara meluas.

Hakikat bahawa masih ramai pelajar pendidikan guru yang tidak mampu mentafsir dan menginterpretasikan maksud bidalan ini sebenarnya harus diberikan perhatian. Hal ini dikatakan demikian kerana bentuk peribahasa ini boleh dianggap agak mudah untuk ditelaah atau diinterpretasikan maknanya kerana adanya bentuk logik dan maklumat konteks yang bersifat agak langsung dari segi pemilihan kata dan perlakuan yang membentuk bidalan ini. Jika maksud tersirat bidalan ini tidak dapat diinterpretasikan dengan betul oleh bakal pendidik, maka dikhuatiri mereka juga tidak mampu mencungkil dan menginterpretasikan komponen sastera lain yang mendukung makna tersirat yang lebih kompleks dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Yang paling penting dapatkah bakal guru ini membimbing para pelajarnya untuk mencungkil maksud tersirat dan memahami peribahasa dan bentuk-bentuk tersirat aspek bahasa yang lain jika para guru sendiri tidak mampu melakukannya dan hanya bergantung pada contoh jawapan yang tersedia dalam buku kerja yang digunakan? Maka ketidakmampuan bakal guru ini menginterpretasikan bidalan ini boleh dianggap sebagai kayu pengukur bagi kemampuan berfikir aras tinggi dan kecekapan pragmatik mereka pada masa ini. Oleh itu, dicadangkan kajian yang lebih meluas dilakukan bagi menguji aras kemahiran berfikir bakal guru ini dan kecekapan pragmatik mereka agar hasrat kerajaan untuk melaksanakan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan jayanya.



## NOTA

1. Sila rujuk Sperber & Wilson (1986, 1995, 2002), Carston (1988, 1996) untuk huraian lanjut kedua – dua proses ini.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 2002. *Koleksi Terindah Peribahasa Melayu*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd
- Abdullah Hussain, 1997. *Canai Budi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hussain, 2004. *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Fuad Mat Hassan & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2010. *Pengkategorian Peribahasa Melayu Berdasarkan Aspek Nilai dan Pemikiran: Satu Analisis Pragmatik*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- A. Khaled Mat Nor, 2008. *Peribahasa SPM*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Anderson & Krathwohl, 2001. *A Taxonomy for Learning, Teaching and Assessing. A Revision of Bloom's Taxonomy of Educational Objectives*. New York: Longman.
- Aripin Said. "Perihal Peraturan dan Nasihat dalam Peribahasa Melayu" dlm. *Pelita Bahasa* 4:7, hlm. 42-43, 1992.
- Bloom B. S (ed.), 1956. *Taxonomy of Educational Objectives, the Classification of Educational Goals – Handbook I: Cognitive Domain*. New York: McKay
- Brookhart, S., 2010. *How to Assess Higher - Order Thinking Skills in Your Classroom*. Alexandria, VA: ASCD.
- Carston, R., "Enrichment and Loosening: Complementary Processes in Deriving the Proposition Expressed?" dlm. *Linguistische Berichte* 8, hlm. 103-27, 1997.
- Hishamudin Isam, Mashetoh Abd Mutalib, Norma Saad & Nasariah Mansor, 2014. "Domain Changes in Defining Darah (Blood): An Analysis of Communication Style in Malay Proverbs" dlm. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 155, hlm. 209-14, 2014. (Capaian <http://repo.uum.edu.my/13023/1/pro24.pdf> pada 4 Mei 2016).
- Imran Ho-Abdullah, "Analisis Kognitif Semantik Peribahasa Melayu Bersumberkan Anjing" dlm. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. 11:1, hlm. 125-41, 2011.
- Indrawati Zahid, "Peribahasa Melayu: Satu klasifikasi Yang Tiada Penentu" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 42:11, hlm. 978-84, 1998.
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Wan Nurasikin Wan Ismail. Ikan (Pisces) dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif dlm.

- [http://www.ukm.my/iman/v2/wp-content/uploads/makalah/IMAN%204\(1\)%20Jan%202016%20-%20\[03\].pdf](http://www.ukm.my/iman/v2/wp-content/uploads/makalah/IMAN%204(1)%20Jan%202016%20-%20[03].pdf) (Capaian 5 April 2016)
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013. *Program Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lewis, A & Smith, D., 1993. *Theory into Practice. Defining Higher Order Thinking*. 32:3, hlm. 131-37. College of Education, The Ohio State University.
- Lim Kim Hui, 2003. *Budi as the Malay Mind: A philosophical Study of Malay Ways of Reasoning and Emotion in Peribahasa*. Jerman: University of Hamburg.
- Lokman Abdul Samad, "Peribahasa Lambang Kesarjanaan Melayu" dlm. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 2:2, hlm. 91–106 Disember 2004.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan, 2010. "Remaja Malaysia dan Peribahasa Melayu" dlm. <http://documents.tips/documents/remaja-malaysia-dan-peribahasa-melayu.html> (capaian 4 April 2016).
- Onosko, J.J & Newmann, F.M., 1994. "Creating More Thoughtful Learning Enviroments" dlm. J.N. Mangleri & C.C. Block (ed.), *Creating Powerful Thinking in Teachers and Students: Diverse Perspective*. Fort Worth: Harcourt Brace College Publishers.
- Rozaimah Rashidin & Noriza Daud, "Unsur Perlambangan dalam Bahasa Melayu: Satu Analisis Teori Relevans" dlm. *Jurnal Aswara*, 2009, [www.aswara.edu.my/c/document\\_library/get\\_file?uuid=c538310d](http://www.aswara.edu.my/c/document_library/get_file?uuid=c538310d) (capaian 4 April 2016).
- Saidatul Nornis Hj. Mahali, & Mohd. Rasdi Saamah, "Haiwan Sebagai Perlambangan dalam Peribahasa Orang Semai" dlm. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 13:1, hlm. 83-98, 2013.
- Sperber, Dan & Wilson, Dierdre, 1995. *Relevance: Communication and Cognition*, Edisi ke-2. Oxford: Basil Blackwell.
- Sperber, Dan & Wilson, Dierdre, "Pragmatics, Modularity and Mind-reading" dlm. *Mind & Language* 17, hlm. 3-23, 2002.
- Wilson, Dierdre & Sperber, Dan, 2004. "Relevance Theory" dlm. Horn, L.R. dan Ward, G. (ed.), *The Handbook of Pragmatics*. Oxford: Blackwell.
- Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba), 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zevin, J., 1995. *A Guide On Classroom Testing (with Emphasis On Higher Order Questioning)*. UNESCO Participation Programme (Project No.8152). Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.